



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI SELANGOR TAHUN 2020**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan pula dilaksanakan berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100 yang menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Selangor Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Selangor pada 15 Mac 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara penting seperti berikut:

- 4.1. **LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Selangor Tahun 2020**

- 4.1.1. **Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

- 4.1.2. **Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah

RM2,445.12 juta, iaitu meningkat sebanyak RM303.36 juta berbanding RM2,141.76 juta pada akhir tahun 2019.

- b. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebih semasa berjumlah RM116.13 juta. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM116.13 juta atau 43.4% menjadi RM383.42 juta berbanding RM267.29 juta pada tahun 2019. Kutipan hasil menurun sebanyak RM62.52 juta atau 2.7% menjadi RM2,257.65 juta berbanding RM2,320.17 juta pada tahun 2019. Analisis lanjut menunjukkan Hasil Bukan Cukai mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu RM1,360.49 juta berbanding Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing berjumlah RM619.31 juta dan 277.85 juta.
- c. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) juga menurun sedikit pada tahun 2020, iaitu sebanyak RM9.59 juta menjadi RM1,216.18 juta berbanding RM1,225.77 juta pada tahun 2019. Kerajaan negeri juga telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM1,037.95 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 dan sejumlah RM943.77 juta atau 70.6% telah dibelanjakan.
- d. Baki Hutang Awam menurun sebanyak RM5.61 juta atau 0.5% menjadi RM1.105 bilion berbanding RM1.110 bilion pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM30.97 juta atau 108.5% menjadi RM59.52 juta berbanding RM28.55 juta pada tahun 2019.

- e. Akaun Belum Terima yang direkodkan oleh Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM482.09 juta, meningkat sebanyak 33.49 juta atau 7.5% berbanding RM448.60 juta pada tahun 2019.

#### **4.1.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri**

- a. Pengauditan pematuhan jabatan negeri yang dilaksanakan melibatkan dua jabatan/agensi seperti berikut:

##### **i. Kutipan Cukai Tanah Lot Tanah Pertanian di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling**

Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

- cukai tanah bagi lapan hak milik [tanah lot pertanian kategori desa (mukim)] telah terkurang kutip sejumlah RM404,978. Jumlah cukai tanah yang dikenakan ialah RM2,050 berbanding RM407,028 berdasarkan keluasan dan kategori tanah;
- kesilapan mengenakan kadar cukai juga menyebabkan cukai tanah bagi tujuh hak milik terlebih kutip sebanyak RM36,248 bagi tahun 2020.

##### **ii. Pengurusan Pembayaran di Majlis Sukan Negeri Selangor**

Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

- pembayaran tidak wajar yang dibuat kepada penerima tidak sah sejumlah RM1.95 juta, iaitu RM0.55 juta

dibayar pada tahun 2020 dan RM1.40 juta dibayar pada tahun 2019.

- 4.2. Semua ketua jabatan/agensi yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Ketua Audit Negara telah mengemukakan tujuh syor kepada jabatan/agensi yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 15 Mac 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 15 Mac 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

15 Mac 2022

12 Syaaban 1443H